



**Kegiatan Cadangan
bagi Pengajaran dan Pembelajaran
(Prauniversiti)**

*Bicara Budiman
Dr Muhammad Ariff Ahmad*

SEKAPUR SIRIH

Pembaca budiman

Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan tokoh yang tidak asing di negara kita Singapura. Jasa dan sumbangan beliau dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu serta kemasyarakatan tidak ternilai. Kesan dan manfaatnya diraih bukan sahaja masyarakat Singapura, malah oleh warga rantau.

Sepanjang pelibatan beliau dalam pelbagai pertubuhan masyarakat dan keagamaan, termasuklah sebagai salah seorang pengasas ASAS '50, setiausaha Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, setiausaha Majlis Pelajaran Melayu dan setiausaha Kongres Bahasa Melayu Singapura, beliau mencorak perkembangan bahasa, sastera dan budaya dalam usaha membangun masyarakat Melayu yang beliau harapkan.

Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini merupakan usaha Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan Singapura untuk mengumpul dan merakam perjuangan dan pengalaman Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam memperjuangkan bahasa, sastera dan budaya Melayu – dalam kata-kata beliau sendiri.

Buku **Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad** ini mengandungi sedutan dan nukilan secara *verbatim* daripada klip video wawancara beliau mengenai perkembangan bahasa, sastera dan budaya Melayu Melayu di Singapura dan rantau ini. Apa yang dipersembahkan dalam pakej ini hanyalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan penceritaan dan rakaman wawancara dengan Dr Muhammad Ariff Ahmad. Cerita, buah fikiran, nasihat dan harapan beliau mencerminkan diri dan watak Dr Muhammad Ariff Ahmad sebagai seorang yang arif, bijaksana lagi budiman. Kependetaan beliau sememangnya amat terserlah.

Diharapkan koleksi klip video ini menjadi dokumentasi sejarah perjuangan dan sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad, dan menjadi perangsang bagi generasi muda dalam melestarikan bahasa, sastera dan budaya yang kita cintai bersama.

Diharapkan juga, cadangan-cadangan yang diusulkan bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah pagi peringkat sekolah menengah dan maktab rendah menggunakan Pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini membantu guru untuk menjana lebih banyak lagi aktiviti kreatif yang dapat dimanfaatkan oleh para pelajar di sekolah.

Wassalam.

Mohamed Noh Daipi
Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura
dan Penolong Pengarah Bahasa Ibunda
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

Cadangan Penggunaan Pakej bagi Pengajaran dan Pembelajaran Peringkat Maktab Rendah

Pengenalan

Bagi peringkat prauniversiti, para pelajar mengikuti perjuangan dan sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad melalui bahan dan sejarah sastera yang mereka pelajari dan kaji. Dr Muhammad Ariff Ahmad dikenali sebagai seorang pejuang bahasa, sastera dan budaya Melayu yang unggul di Singapura. Sumbangan beliau amat besar sekali kepada masyarakat Melayu dan juga negara Singapura. Oleh sebab itu, pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini dihasilkan bukan sahaja untuk menghargai sumbangan besar Dr Muhammad Ariff Ahmad kepada bahasa, sastera dan budaya Melayu serta negara Singapura, tetapi juga untuk memperkenalkan Dr Muhammad Ariff Ahmad kepada para pelajar dengan lebih dekat lagi.

Cadangan aktiviti berkaitan dengan bahasa

Pakej yang dibina ini boleh digunakan oleh guru dan pelajar di peringkat prauniversiti bagi pelbagai tujuan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa, sastera dan budaya Melayu.

Antara aktiviti-aktiviti yang boleh dipertimbangkan ialah:

- **Penulisan Esei**

Banyak tajuk penulisan esei yang boleh dikemukakan berkaitan dengan perjuangan dan sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang bahasa, budaya dan sastera. Tajuk-tajuk penulisan esei berikut boleh dipertimbangkan:

- Sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad kepada perkembangan bahasa, sastera dan budaya Melayu di Singapura.
- Sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang pendidikan dan perkembangan bahasa Melayu di Singapura.

- Dr Muhammad Ariff Ahmad seorang bahasawan, sasterawan dan budayawan ulung Singapura.
- Pengumpulan kata-kata nasihat (nukilan) Dr Muhammad Ariff Ahmad
- Dr Muhammad Ariff Ahmad tokoh budayawan ulung Temasek
- Dr Muhammad Ariff Ahmad tokoh bahasawan tersohor Singapura
- Cerita-cerita koleksi pengalaman Dr Muhammad Ariff semasa zaman persekolahan.

• **Kerja Projek**

Bagi meningkatkan rasa kesedaran generasi muda atas sumbangan para pelopor dan generasi perintis seperti Dr Muhammad Ariff Ahmad, banyak projek atau kerja kumpulan yang berkaitan dengan perjuangan dan sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad boleh dilakukan. Kerja projek yang dicadangkan boleh mengasah kemahiran membaca pelajar kerana pelajar perlu membuat kajian dan pembacaan. Kemahiran menulis pelajar juga boleh diasah kerana pelajar perlu menulis laporan mengenai hasil kerja projek yang mereka laksanakan. Selain itu, kemahiran lisan pelajar dapat diperkukuh dengan merancang aktiviti yang memerlukan pelajar membuat penyampaian mengenai projek yang dilaksanakan. Antara projek tersebut adalah seperti yang berikut:

- Pengumpulan buku-buku tulisan Dr Muhammad Arif Ahmad dan ulasan
- Penyampaian mengenai sumbangan Dr Muhammad Ariff dalam bidang bahasa Melayu dan pendidikan
- Pengumpulan artifak peninggalan Dr Muhammad Ariff Ahmad
- Pengumpulan maklumat tentang anugerah yang pernah Dr Muhammad Ariff Ahmad peroleh sepanjang penglibatan beliau dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu.

- **Membaca dan Memahami**

Pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini boleh juga digunakan bagi mengasah kemahiran membaca para pelajar. Guru boleh membina soalan-soalan kefahaman yang sesuai berdasarkan teks (verbatim) wawancara bersama Dr Muhammad Ariff Ahmad bagi segmen 1 hingga 7 dalam buku Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad.

Contoh-contoh soalan yang boleh digunakan adalah seperti yang berikut:

Segmen 1

1. Ceritakan semula latar belakang pendidikan Dr Muhammad Ariff Ahmad.
2. Berikan pandangan kamu mengenai pengalaman pertama Cikgu Muhammad Ariff Ahmad 'masuk' sekolah.
3. Pada pandangan kamu, mengapakah Dr Muhammad Ariff Ahmad menulis cerita 'Mat Jamin' semasa dia mula-mula menulis.
4. Siapakah orang yang telah memberikan perangsang dan dorongan kepada Cikgu Ariff untuk menulis?

Segmen 2

1. Apakah peranan seorang guru menurut pandangan Dr Muhammad Ariff Ahmad?
2. Mengapakah para guru yang belajar di Tanjung Malim dipanggil untuk kembali semula ke Singapura setelah Teachers' Training College (TTC) ditubuhkan?
3. Apakah tujuan pendidikan menurut pandangan Dr Muhammad Ariff Ahmad? Setujukah kamu dengan pandangan beliau?Jelaskan.
4. Dr Muhammad Ariff Ahmad menyatakan bahawa 'Cikgu' dan 'Guru' mempunyai pengertian dan peranan yang berbeza. Setujukah kamu dengan pandangan beliau itu? Jelaskan.

Segmen 3

1. Apakah sumbangan terbesar Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang kesusasteraan di Singapura?
2. Bagaimanakah mula tertubuhnya ASAS '50?
3. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ASAS '50?

4. Setujukah kamu dengan pengertian jati diri Melayu seperti yang diutarakan oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad?

Segmen 4

1. Berikan pandangan mengenai pengertian 'yakin' yang ditafsirkan oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad.
2. Menurut Dr Muhammad Ariff Ahmad, salah satu komponen penting dalam jati diri Melayu ialah orang Melayu haruslah menganut agama Islam atau 'masuk' Islam atau berkahwin dengan orang Islam. Berikan pandangan kamu mengenai hal ini.
3. Bahasa Jiwa Bangsa merupakan permutu yang dikarang oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad. Jelaskan makna Bahasa Jiwa Bangsa menurut pandangan kamu.
4. Menurut Dr Muhammad Ariff Ahmad, "...tugas saya, saya tidak boleh biarkan masyarakat dalam keadaan seperti mana yang saya sentuh atau tegur dalam tulisan-tulisan saya itu...". Daripada ungkapan ini, berikan tafsiran kamu mengenai sikap Dr Muhammad Ariff Ahmad terhadap masyarakatnya.

Segmen 5

1. Berikan tanggapan kamu mengenai penubuhan sekolah Melayu pada zaman perjuangan Dr Muhammad Ariff Ahmad.
2. Apakah perkara yang menjadi cabaran dalam penubuhan sekolah Menengah Melayu yang pertama di Singapura? Jelaskan.
3. Apakah yang membezakan sistem pendidikan di Malaysia dengan sistem pendidikan di Singapura menurut pandangan Dr Muhammad Ariff ketika mula-mula mencapai kemerdekaan? Jelaskan.
4. Apakah tanggapan Dr Muhammad Ariff Ahmad mengenai sistem pendidikan bahasa Melayu di Singapura. Jelaskan.
5. Berikan pandangan kamu mengenai pendapat Dr Muhammad Ariff Ahmad mengenai dasar Sebutan Baku dalam sistem pendidikan di Singapura? Jelaskan.

Segmen 6

1. Menurut pandangan kamu, haruskah individu yang banyak berjasa kepada masyarakat diberi anugerah bagi mengenang jasa dan perjuangan beliau?

2. Bagaimanakah cara terbaik untuk menghargai sumbangan individu yang banyak berjasa kepada bahasa, budaya dan masyarakat? Usulkan beberapa cara dan sebabnya mengapa?
3. Apakah pandangan kamu mengenai bagaimana teretusnya idea bagi Dr Muhammad Ariff Ahmad untuk menulis novel Mail Mau Kawin?
4. Dr Muhammad Ariff Ahmad seorang yang gigih dalam bidang penulisan. Berikan contoh dan bukti untuk menjelaskan hal ini.
5. Apakah harapan Dr Muhammad Ariff Ahmad pada masyarakat Melayu? Bersetujukah kamu dengan pandangan beliau?

Segmen 7

1. Apakah harapan Dr Muhammad Ariff Ahmad terhadap masyarakat Melayu yang dicintainya itu?
2. Dr Muhammad Ariff Ahmad ada mengatakan bahawa "...jika ada orang buat, InsyaAllah kita dapat..." Apakah yang dimaksudkan oleh beliau itu. Jelaskan.
3. Menurut Encik Aliman Hassan, Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan seorang yang ikhlas dan jujur terhadap sahabat-sahabatnya. Jelaskan mengapakah beliau berpendapat begitu.
4. Menurut Encik Mohamed Latiff Mohamed, Dr Muhammad Ariff Ahmad seorang yang mempunyai unsur jenaka yang baik. Jelaskan pandangan beliau mengenai Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam hal tersebut.
5. Menurut Encik Mohd Raman Daud, Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan seorang yang bertekad besar. Jelaskan.
6. Menurut Encik Suratman Markasan, Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan seorang yang sangat berdisiplin. Jelaskan.
7. Menurut Encik Abdul Samad Salimin, tanpa Dr Muhammad Ariff Ahmad, suasana bahasa dan sastera Melayu di Singapura akan menjadi gersang. Jelaskan.
8. Dr Muhammad Ariff Ahmad ada menyentuh mengenai pentingnya sistem bergotong royong. Berikan pandangan kamu mengenai hal ini.

- **Aktiviti Perbincangan**

Pelbagai aktiviti yang dapat mengasah kemahiran lisan pelajar boleh dilaksanakan. Aktiviti perbincangan dan perbahasan mengenai Dr Muhammad Ariff Ahmad boleh dicadangkan bagi mengasah kemahiran lisan termasuklah kemahiran interaksi dalam kalangan pelajar. Beberapa contoh aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- Perbincangan tentang istilah jati diri Melayu menurut pandangan Dr Muhammad Ariff Ahmad.
- Perbincangan – dapatkah Singapura melahirkan tokoh bahasa, sastera dan budaya Melayu sebaik Dr Muhammad Ariff Ahmad?
- Dr Muhammad Ariff Ahmad setanding tokoh-tokoh bahasa, sastera dan budaya dari negara jiran.
- Peranan Guru dan Cikgu menurut pandangan Dr Muhammad Arif Ahmad. Bincangkan.

- **Aktiviti Mewawancara**

Selain aktiviti yang disebut sebelum ini, guru boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan pelajar mewawancara Dr Muhammad Ariff Ahmad mengenai sumbangan dan perjuangan beliau. Aktiviti mewawancara Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan aktiviti yang membolehkan para pelajar mengenali sendiri seorang bahasawan, budayawan dan sasterawan ulung negara Singapura. Diharapkan, aktiviti ini akan merangsang para pelajar menjadi individu yang mencintai bahasa dan budayanya sendiri serta menghargai orang-orang yang pernah berjuang dalam memajukan masyarakat Melayu, termasuklah Dr Muhammad Ariff Ahmad. Antara aktiviti mewawancara ini adalah seperti yang berikut:

- Aktiviti mewawancara Dr Muhammad Ariff Ahmad untuk mengenal pesonaliti Dr Muhammad Ariff Ahmad.
- Aktiviti mewawancara mengenai orang-orang yang pernah terlibat atau bekerja bersama-sama Dr Muhammad Ariff Ahmad dan mendapatkan pandangan mereka mengenai Dr Muhammad Ariff Ahmad.

- Aktiviti mewawancara isteri atau ahli keluarga Dr Muhammad Ariff Ahmad dan meminta pandangan mereka serta pemerhatian mereka tentang kehidupan dan perjuangan Dr Muhammad Ariff Ahmad.
- Aktiviti mewawancara anak-anak atau cucu-cucu Dr Muhammad Ariff Ahmad mengenai kehidupan dan sikap Dr Muhammad Ariff Ahmad yang mereka kenali.

Cadangan aktiviti berkaitan dengan sastera

- Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan tokoh sastera ulung setanding tokoh-tokoh sastera di nusantara
- Wawancara bersama Dr Muhammad Ariff Ahmad – perjuangan dan sumbangan kepada perkembangan sastera tanah air
- Ulasan karya-karya sastera Dr Muhammad Ariff Ahmad
- Pementasan novel-novel karya Dr Muhammad Ariff Ahmad
- Penulisan sajak penghargaan bagi sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad
- Dr Muhammad Ariff Ahmad pengasas ASAS ‘ 50
- Menulis skrip pementasan drama bagi Novel Mail Mau Kawin, Syarifah dan lain-lain
- Menterjemahkan novel karya Dr Muhammad Ariff Ahmad ke bentuk sajak atau drama
- Aktiviti membaca sajak-sajak hasil karya Dr Muhammad Ariff Ahmad
- Aktiviti melukis semula kulit buku novel-novel karya Dr Muhammad Ariff Ahmad

- Aktiviti berbual mesra dengan Dr Muhammad Ariff Ahmad (kunjungan ke rumah Dr Muhammad Ariff Ahmad)

Kesimpulan

Diharapkan buku kecil ini telah memberikan para guru sedikit idea yang boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti yang bermakna bagi para pelajar. Semoga para guru dan pelajar lebih menghargai sumbangan generasi perintis dalam membangun negara Singapura yang kita cintai.

